

**RAYUAN DARI Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
MENGENAI MINGGU KANSER
PADA 2 HINGGA 8 NOVEMBER 1967**

Persatuan Kebajikan Penyakit Kanser Kebangsaan (*National Cancer Society of Malaysia*) akan melancarkan satu 'Minggu Kanser' mulai dari 2 hingga 8 November, 1967 ini. Tujuan mengadakan 'Minggu Kanser' ini ialah untuk memberitahu orang ramai sekalian mengenai pekerjaan dan perjalanan Persatuan Kebajikan Penyakit Kanser serta juga untuk mengutip derma. Pelancaran 'Minggu Kanser' ialah suatu perkara yang penting dalam perjalanan Persatuan ini semenjak ia ditubuhkan pada tahun lepas.

Dalam masa 'Minggu Kanser' ini beberapa acara telah disusun untuk memberitahu orang ramai mengenai penyakit kanser, atau yang dikenal penyakit 'cerana'. Bersempena dengan minggu ini akan diadakan rencana-rencana dalam surat-surat khabar; pertunjukan-pertunjukan filem melalui TV; dan ucapan-ucapan menerusi radio. Pada 4 November, 1967 Persatuan Kanser akan juga mengadakan 'Hari Bendera' yang mana bendera-bendera dan risalah-risalah kecil akan dibahagi-bahagikan kepada orang ramai untuk mengutip derma. 'Minggu Kanser' ini akan di akhiri dengan satu pertunjukan filem yang bernama *'The Dirty Dozen'* di Panggung Pavilion. Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang telah berkenan mencemar Duli menghadiri pertunjukan filem ini.

Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, penyakit kanser adalah sejenis penyakit yang amat merbahaya yang telah menyebabkan kebanyakan kematian. Pada masa hadapan, jika penyakit ini tidak dapat diatasi, ia akan menjadi sejenis penyakit yang merbahaya sekali. Pada tiap-tiap tahun lebih kurang 5 juta orang telah mengidap penyakit kanser ini. Penyakit ini boleh didapati oleh sesiapa pun tidak kira bangsa atau taraf seseorang itu. Bilangan orang yang mendapat penyakit ini makin bertambah, dari setahun ke setahun, dan kebanyakan mereka yang menghidapnya adalah dari golongan orang-orang tua. Ini disebabkan bertambah baiknya perkhidmatan kesihatan dan taraf hidup kita yang memanjangkan lagi umur kita dengan menambahkan lagi bilangan orang-orang tua dari semasa ke semasa.

Penyakit kanser, walau bagaimanapun, boleh dirawat dan disembuhkan jika penyakit itu diketahui lebih awal dan dirawat dengan segera. 20 tahun dahulu, hanya 1 dari 6 orang pengidap penyakit kanser telah dapat diselamatkan; 10 tahun kemudiannya, 2 dari 6 orang boleh diselamatkan dan sekarang 3 dari 6 orang boleh diselamatkan. Bilangan orang-orang yang sembuh dari penyakit ini boleh ditinggikan, jika orang ramai tahu tanda-tanda penyakit ini dan segera pergi mendapatkan rawatan.

Kerajaan sentiasa mengutamakan masalah penyakit kanser ini dan telahpun menyediakan beberapa kemudahan yang mustahak untuk merawat orang-orang yang mengidap penyakit ini. Tetapi, sungguhpun kerajaan telah menyediakan

kemudahan-kemudahan yang paling baik sekali untuk rawatan ini, masyarakat dan orang ramai hendaklah bekerjasama dengan kerajaan bagi menghapuskan penyakit yang amat merbahaya ini. Dengan jalan orang ramai diberitahu bagaimana merbahayanya penyakit ini, barulah dapat pihak yang berkenaan memberi pertolongan dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan itu untuk merawat dan mengubati orang-orang yang mengidap kanser ini. Jika seseorang itu telah terkena penyakit ini dan ia segera mendapatkan rawatan, maka harapan untuk menyelamatkan adalah baik sekali.

Oleh sebab-sebab yang telah saya jelaskan terdahulu di atas tadi, maka Persatuan Kanser Kebangsaan telah mengambil kesempatan untuk mengadakan 'Minggu Kanser' ini untuk memberitahu orang ramai tentang bahaya-bahaya penyakit kanser dan juga mengutip derma-derma. Usaha ini adalah satu usaha yang baik sekali kerana di samping memberitahu orang ramai mengenai penyakit kanser, maka derma-derma yang dikutip itu pula boleh digunakan kepada faedah-faedah rawatan orang-orang yang mengidap penyakit ini supaya harapan mereka untuk diselamatkan akan bertambah baik lagi. Dalam tempoh yang singkat semenjak Persatuan ini ditubuhkan, ianya telah memberi bantuan kepada beberapa orang yng mengidap penyakit ini yang telah meminta bantuan rawatan ataupun bantuan wang. Saya telah diberitahu iaitu bilangan orang-orang yang telah meminta dirawat kerana menghidap penyakit kanser ini telah bertambah sebanyak 20%, pada keseluruhannya hasil dari kerja-kerja yang dijalankan oleh Persatuan ini dan ini merupakan satu usaha yang mulia yang menambah nama baik Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia. Dengan sebab itu saya merayu kepada tuan-tuan dan puan-puan yang budiman sekalian supaya dengan bermurah hati menghulurkan derma kepada Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia ini bagi membolehkan Persatuan ini meneruskan kewajipannya - menolong orang-orang yang menghidap kanser yang amat merbahaya ini.